

**Abdul Shukor gigih
penuhi amanah
18 jawatan penting
dalam, luar negara**

Gaya penampilan Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia, Tan Sri Prof Emeritus Datuk Dr Abdul Shukor Husin tidak jauh bezanya ketika beliau mengetuai Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) selaku Naib Canselor pertamanya pada tahun 1999.

Beliau tetap nampak serius tetapi peramah. Setelah menamatkan tugas di USIM, khidmatnya tetap diperlukan institusi pendidikan itu hingga kini dan pada masa sama memenuhi amanah sebagai Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan serta 17 jawatankuasa penting di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Pada usia 74 tahun, anak kelahiran kampung Tebing Tinggi, Jerantut, Pahang itu nampak masih bersemangat untuk menabur bakti dan terus bekerja.

"Namun, apabila sudah berumur ini, kita tidak boleh berlagak macam dulu. Jika dulu kerja siang malam sampai tidak tidur pun tidak mengapa. Sekarang, apabila rasa perlu rehat, maka kena rehat. Bagi saya dapat tidur empat jam sudah mencukupi," katanya.

Bijak bahagi masa

Tidak menafikan tuntutan tugas ada kala memerlukan beliau menghabiskan masa berjam-jam dalam bilik mesyuarat, tetapi bak kata pepatah 'alah bisa tegal biasa'. Kata kuncinya ialah bijak membahagi masa dan sentiasa melakukan persediaan.

Merujuk kepada jadual kerja pada hari berikutnya yang bermula dari jam 8 pagi, beliau akan menghadiri kelas di USIM sebelum bermesyuarat di Tabung Haji, diikuti mesyuarat lagi di Bank Islam dan kembali ke USIM untuk sesi amanat kepada pelajar.

Justeru, Abdul Shukor akan memastikan kebanyakan program pada waktu malam adalah program lebih santai yang tidak memerlukan beliau membawa pemikiran berat daripada urusan yang berlangsung pada siang hari.

Keperluan untuk urusan esok hari akan dilakukan lebih awal seperti menyediakan kertas kerja atau membaca laporan mesyuarat supaya tidak kelimabab. Pada masa sama, kesihatan tetap diberi perhatian serius.

Selain berjumpa doktor secara berjadual, beliau akan melakukan pemeriksaan kesihatan yang menyeluruh setahun sekali. Andai ada kelapangan pada waktu sebelum jadual kerja bermula, Abdul Shukor akan mengambil kesempatan itu untuk berjoging bersama isterinya, Puan Sri Ramah Abdul Manan.

"Jika tidak ada urusan memerlukan saya keluar awal pagi, maka sempatlah pergi joging bersama isteri. Sebolehnya saya akan kerap berjoging setiap kali ada kesempatan. Selepas itu saya akan singgah di mana-mana kedai untuk bersarapan.

"Saya tidak ada pantang dalam

Terbuka, santai walau sibuk



kan tugas mengikut keutamaan.

Bagaimanapun, di sebalik rutin yang sibuk itu, timbul kerisauan kerana sejak akhir-akhir ini beliau tidak mempunyai masa yang banyak untuk membaca sedangkan tugas menyelia dan menilai tesis memerlukan banyak pembacaan bagi memastikan pelajar benar-benar membuat rujukan seperti didakwa.

Kerjaya Abdul Shukor bermula sebagai tenaga akademik di Jabatan Usluddin dan Falsafah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebelum dinaikkan ke jawatan Profesor Madya dan dilantik sebagai Ketua Jabatan Usluddin dan Falsafah.

Sebagai anak Melayu pertama lulus di peringkat Doktor Falsafah dalam bidang Akidah dan Falsafah Islam dari Universiti al-Azhar, beliau dilantik sebagai Dekan Fakulti Pengajian Islam UKM. Pada 1 Disember 1999, beliau diamanahkan menerajui universiti baharu yang dikenali USIM sekarang.

Beliau turut menjadi Ahli Lembaga Syariah beberapa institusi dan syarikat, selain dilantik Ahli Lembaga International Syariah Research for Islamic Finance (ISRA) di bawah Bank Negara. Tetapi dalam kesibukan itu masih mampu menghasilkan buku serta jurnal.

Dicari pihak media

Tugasnya sebagai pengerusi Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan, menjadikan Abdul Shukor orang yang akan dicari pihak media berhubung sesuatu fatwa yang dikeluarkan atau apabila timbul kritikan terhadap hukum yang diputuskan jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Majlis Raja-Raja itu.

Bagaimana beliau menghadapi situasi itu? "Apa yang diputuskan adalah hasil perbincangan serta persetujuan dibuat secara jemaah dan jika ada pihak tidak bersetuju, jawatankuasa bersifat terbuka, malah mengalu-alukan untuk diadakan perbincangan," katanya.

Cuma katanya, perkara khilaf atau ada perbezaan pandangan sebaiknya dibincangkan dalam kalangan mereka yang arif mengennainya, bukan disebarkan melalui laman sosial kerana takut akan menyebabkan kekeliruan kepada masyarakat.

"Saya ambil tanggungjawab ini dan jika timbul masalah, saya akan tampil. Pepatah Arab ada mengatakan 'adalah mustahil untuk buat semua puas hati'. Bagaimanapun, kita mesti terima pandangan orang lain dan adab berkhilaf perlu dijaga.

"Imam Syafie berkata, mungkin kita betul tetapi dalam betul kita itu ada salah, mungkin kawan kita salah tetapi dalam salahnya ada betul. Bagaimanapun, saya tidur lena, tidak ada masalah. Telefon letak bawah bantal dan kena tengok sebab cerita orang kampung kita perlu tahu juga," katanya.

Menetapkan umur 75 tahun sebagai usia untuk mengundurkan diri daripada dunia pekerjaan, Abdul Shukor tidak berkongsi perancangannya selepas itu, sebaliknya sambil berseloroh berkata mungkin tugasnya nanti menjadi pemandu menghantar cucu ke sekolah.



**“
Saya ambil
tanggungjawab ini
dan jika timbul
masalah, saya akan
tampil. Pepatah Arab ada
mengatakan 'adalah mustahil
untuk buat semua puas hati'.
Bagaimanapun, kita mesti
terima pandangan orang
lain dan adab berkhilaf
perlu dijaga”**

Dr Abdul Shukor Husin,
Pengerusi Majlis Fatwa
Kebangsaan Malaysia



**HASLIZA
HASSAN**

hasliza_hassan@
bh.com.my